



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## **PEMENCARAN FAIL-FAIL CUKAI PENDAPATAN BERIKUTAN PENUBUHAN CAWANGAN PEMBAYAR CUKAI BESAR (CPCB) DAN UNIT PEMBAYAR CUKAI BESAR (UPCB)**

Pada masa kini, fail-fail cukai pendapatan bagi semua kategori Pembayar Cukai di seluruh cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ditadbir oleh cawangan berdasarkan alamat kediaman bagi individu atau alamat surat menyurat bagi selain individu tanpa mengambil kira saiz pendapatan atau perolehan pembayar cukai tersebut.

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan, LHDNM ingin memaklumkan bahawa berkuatkuasa 1 Januari 2015, nama Jabatan Cukai Korporat telah diubah kepada **Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB)** di mana; CPCB ini akan mengendalikan fail-fail Pembayar Cukai Besar dan Berprofil Tinggi bagi cawangan di Semenanjung Malaysia. Manakala bagi fail-fail Pembayar Cukai Besar dan Berprofil Tinggi di Sabah dan Sarawak akan dikendalikan oleh Cawangan Kota Kinabalu dan Cawangan Kuching di bawah penubuhan **Unit Pembayar Cukai Besar (UPCB)** di cawangan masing-masing.

Jabatan/Bahagian lain yang turut dijenamakan semula adalah Jabatan Cukai Multinasional yang diubah kepada Cawangan Cukai Multinasional (CCM) dan Bahagian Petroleum pula diubah kepada Cawangan Petroleum (CP).

Sehubungan itu, pemencaran fail-fail pembayar cukai di antara Jabatan Cukai Korporat, Jabatan Cukai Multinasional, Bahagian Petroleum dan Cawangan-cawangan (LHDNM) akan dilaksanakan. Kriteria bagi setiap pemencaran fail-fail cukai pendapatan tersebut adalah seperti berikut:

<b>Cawangan</b>	<b>Kriteria</b>
1) Cawangan Pembayar Cukai Besar (CPCB)	<p>1.1) Mengendalikan Pembayar Cukai Syarikat (C) yang mempunyai perolehan (jualan) sama atau <b>melebihi RM30 juta.</b></p> <p>1.2) Pembayar Cukai Selain Syarikat (OG dan SG) yang mempunyai pendapatan agregat sama atau <b>melebihi RM1 juta.</b></p> <p>1.3) Sektor Khas seperti berikut masih dikekalkan di CPCB:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Pembinaan (<b>perolehan sama atau melebihi RM30 juta</b>);</li> <li>b. Hartanah;</li> <li>c. Kewangan dan</li> <li>d. Insurans/takaful</li> </ul> <p>1.4) Fail syarikat selain daripada perenggan 1.1 akan dipencarkan ke semua cawangan LHDNM (Semenanjung, Sabah dan Sarawak) mengikut alamat premis perniagaan terkini atau alamat surat-menyurat.</p>
2) Unit Pembayar Cukai Besar (UPCB)	2.1) Pembayar Cukai di seluruh cawangan di Sabah dan Sarawak akan dikendalikan oleh UPCB di Cawangan Kota Kinabalu dan Cawangan Kuching masing-masing jika termasuk di dalam kriteria di perenggan 1.1, 1.2 dan 1.3 di atas.

<b>Cawangan</b>	<b>Kriteria</b>
3) Cawangan Cukai Multinasional (CCM)	<p>3.1) Syarikat-syarikat yang mempunyai transaksi dengan syarikat berkaitan (related companies) di luar Malaysia mengikut <i>threshold</i> tertentu.</p> <p>3.2) Fail Pungutan dan CKHT yang berkaitan dengan perenggan 3.1 akan dipindahkan ke Cawangan Pembayar Cukai Besar.</p>
4) Cawangan Petroleum (CP)	<p>4.1) Pembayar cukai <b>industri hiliran petroleum</b> yang berada di CPCB atau cawangan LHDNM akan dipencarkan ke Cawangan Petroleum tanpa mengambil kira jumlah perolehan. Pembayar cukai industri hiliran petroleum akan dikenalpasti berdasarkan kod perniagaan pembayar cukai (kecuali fail Cawangan Tidak Bermastautin).</p> <p>4.2) Fail Pungutan dan CKHT yang berkaitan dengan perenggan 4.1 akan dipindahkan ke Cawangan Pembayar Cukai Besar.</p>
5) Cawangan LHDNM	<p>5.1) Mengendalikan Pembayar Cukai Syarikat (C) yang mempunyai perolehan (jualan) <b>tidak melebihi RM30 juta</b> (kecuali Cawangan Tidak Bermastautin).</p> <p>5.2) Pembayar Cukai di CPCB yang mempunyai perolehan (jualan) <b>tidak melebihi RM30 juta</b> dipencarkan ke seluruh cawangan LHDNM berdasarkan alamat premis perniagaan terkini atau alamat surat-menyurat.</p>

Sila layari laman web rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau menghubungi 1-800-88-5436 atau kunjungi mana-mana cawangan LHDNM yang terdekat untuk keterangan lanjut.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

Dikeluarkan oleh:

**Masrun Bin Maslim | Pegawai Perhubungan Awam (Media)**

**Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21354 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN) | Laman Web : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh : 12 Januari 2015**